

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN PAMERAN WARISAN KRAFTANGAN MALAYSIA,
Lokasi : KARYANEKA, JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR
Tarikh : 03-09-1983

Yang Berhormat Datuk Sanusi bin Junid, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar;

Yang dihormati Encik Ray Paske, Naib Presiden dan Pengurus Besar Asean dan Separa Benua;

Encik K. K. Ng, Naib Presiden dan Pengurus Besar American Express, Malaysia dan Brunai;

Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Syukur kita ke hadrat Ilahi, kerana telah melimpahkan rahmatnya yang mengizinkan kita semua bertemu di majlis yang berbahagia ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya untuk hadir di majlis perasmian Pamiran Warisan Kraftangan Malaysia anjuran American Express dan Karyaneka.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap ketinggian mutu hasil kraftangan tempatan. Dengan itu saya sesungguhnya merasa amat bangga dengan American Express yang telah sudi tampil ke hadapan untuk melibatkan diri dalam projek yang amat menguntungkan ini. Langkah tersebut amatlah menggalakkan sekali bagi pihak sektor swasta, yang kini turut serta memainkan peranan dalam bidang yang selama ini hanya dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan sahaja.

3. Merenung kembali kepada sejarah seni kraftangan kita, ianya bermula sejak dari kurun ke-14 lagi di mana pada ketika itu merupakan sebuah industri kampung yang amat berkembang maju serta menguntungkan, terutamanya di kalangan penduduk-penduduk di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Malangnya, proses modenisasi telah membawa kepada kejatuhan permintaan kepada hasil-hasil kraftangan. Hanya di Kelantan, Trengganu dan beberapa daerah lain di dalam negara ini sahaja, yang masih kuat kesetiaannya kepada kesenian Melayu tradisional. Proses kesedaran terhadap kraftangan tradisional tersebut mengambil masa yang agak lama. Sehingga menjelang tahun-tahun 1960an, barulah timbul satu kesedaran kebudayaan yang menyerap ke seluruh pelosok negara, dengan membawa satu hasrat untuk menghidupkan kembali kemahiran-kemahiran tradisi.

4. Sejak dari itu, pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas untuk memberikan nafas baru kepada industri kraftangan. Kenaikan harga kraftangan serta barang-barang perhiasan rumah yang diimport, berbanding dengan kraftangan tempatan yang lebih murah tetapi bermutu tinggi, membuatkan hasil-hasil kraftangan Malaysia kini lebih diberikan tumpuan perhatian oleh ramai orang. Karyaneka yang telah ditubuhkan dalam tahun 1979, telah menolong menyediakan banyak kraftangan yang terdiri daripada pelbagai jenis dan dengan harga yang bersesuaian.

5. Karyaneka telah ditubuhkan dengan keutamaan tanggungjawab untuk menumpukan perhatian kepada industri kraftangan Malaysia, sebagai usaha untuk memajukan hasil-hasil kraftangan di dalam dan di luar negeri. Semenjak penubuhannya, organisasi tersebut telah mengambil langkah-langkah tegas dalam

menyediakan latihan dan juga insentif-insentif kepada industri tersebut melalui bantuan daripada beberapa agensi Kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, dan Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Walau bagaimanapun, industri kraftangan ini masih memerlukan sokongan dan bantuan daripada pihak-pihak lain, terutamanya sektor swasta.

6. Pamiran yang memakan masa selama seminggu ini merupakan demonstrasi dan jualan kraftangan yang terbesar pernah diadakan di negara ini. Sempena dengan pameran ini, sejumlah \$20,000 daripada American Express akan didermakan kepada tiga buah badan kebajikan iaitu Tabung Hospital Mata Tun Hussein Onn, Persatuan Haemophilia Malaysia dan Tabung Leukaemia Lion's Lyfe-Line.

7. Tabung Leukaemia Lion's Lyfe-Line telah ditubuhkan pada awal tahun ini untuk menolong pesakit-pesakit leukaemia dan juga yang mengidap lain-lain penyakit kanser darah. Buat masa ini, tabungnya akan membiayai pesakit-pesakit leukaemia yang terdapat di Hospital Universiti. Adalah diharapkan bahawa apabila derma-derma yang diterima telah mencukupi, tabung itu akan digunakan pula untuk membiayai pesakit-pesakit yang mengidap penyakit yang sama, yang terdapat di hospital-hospital lain di seluruh negara.

8. Persatuan Haemophilia Malaysia telah diasaskan sebagai badan pembantu kepada mereka yang sejak lahir lagi telah mengidap penyakit dalam darah, berikutan dengan kekurangan beberapa jenis faktor pembeku di dalam darah. Persatuan ini juga bertanggungjawab untuk meluaskan pengetahuan dan penjagaan mengenai penyakit tersebut, serta juga dalam memajukan pengkajian dan kerja-kerja penyelidikan.

9. Tabung Hospital Mata Tun Hussein Onn pula telah ditubuhkan dalam bulan Jun 1983 untuk menyediakan langkah-langkah kawalan bagi mengurangkan penderitaan akibat buta serta juga untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pemeliharaan mata. Ianya juga memperuntukkan kemudahan bagi melatih kakitangan dan juga kerja-kerja penyelidikan ke atas penyakit mata. Kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan yang terdapat di hospital ini akan dapat digunakan oleh rakyat Malaysia serta juga penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar kawasan ASEAN, dan ianya dibiayai melalui derma-derma yang diterima.

10. Di samping derma di atas, 10 peratus lagi daripada hasil jualan kraftangan Karyaneka dalam minggu ini akan juga didermakan kepada satu, atau lebih daripada satu badan kebajikan, bergantung kepada banyaknya hasil jualan. Oleh itu saya merayu kepada para hadirin dan orang ramai supaya membeli hasil-hasil kraftangan yang dipamerkan sepanjang minggu ini supaya golongan yang kurang bernasib baik akan dapat menikmati sebahagian dari wang bayaran ke atas pembelian tuan-tuan dan puan-puan itu.

11. Akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada American Express dan Karyaneka atas segala usaha yang telah diberikan sehingga dapat diadakan pameran ini, begitu juga kepada semua pihak yang telah memberikan berbagai bantuan, sehingga terlaksananya projek ini secara keseluruhannya. Saya percaya pameran ini akan menerima sokongan yang menggalakkan, dan berharap semoga ianya tidak merupakan kali terakhir pihak swasta tampil ke hadapan, bagi meningkatkan penjualan hasil-hasil kraftangan kita.

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pamiran Warisan Kraftangan Malaysia anjuran American Express dan Karyaneka dibuka dengan rasminya.

Terima Kasih.